

Mereka tidak dibenar bertanding semula di kawasan berkenaan

U.M. - 7 AUG 1989

GOPENG 6 Ogos — Akta Pilihanraya yang sedang dalam proses untuk dipinda antaranya tidak membenarkan wakil-wakil rakyat yang telah meletakkan jawatan di kawasan pilihanrayanya bertanding semula di dalam kawasan tersebut, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad lewat petang ini.

Perdana Menteri berkata, oleh kerana pindaan tersebut melibatkan juga perlembagaan negara dan tidak hanya peraturan undang-undang, maka pindaan ke atas Akta Pilihanraya itu lewat dapat disiapkan.

Katanya, "kalau wakil rakyat itu meletakkan jawatan dan kemudian bertanding semula, dia tidak dibenarkan bertanding semula di kawasan itu."

Bercakap dalam sidang akhbar di akhir lawatannya ke Perak selepas merasmikan persidangan agung UMNO bahagian Gopeng di Sekolah Menengah Teja di sini, beliau menarik perhatian, dalam kes pilihanraya Tambatan, ia tidak termasuk kerana pilihanraya itu diadakan disebabkan

kematian wakil rakyatnya.

Begitu juga di Teruntum, wakil rakyatnya meletakkan jawatan tetapi tidak cuba bertanding semula, sebaliknya orang lain yang bertanding.

"Ini tidak termasuk dalam masalah yang timbul daripada wakil rakyat yang sengaja meletakkan jawatan dan kemudian bertanding semula untuk menentukan sama ada dia popular atau tidak," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

"Perkara ini mengambil masa sedikit untuk kita meluluskannya dan kita sememangnya berhajat untuk membuat pindaan supaya pembaziran tidak berlaku," katanya sambil mengulas cadangan UMNO Selangor supaya tidak diadakan pilihanraya kecil, malah kerusi di kawasan itu dikosongkan sekiranya ada wakil-wakil rakyat yang meletakkan jawatan.

Menyentuh pilihanraya Teruntum pula, beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional yakin bahawa calon BN akan memperolehi kejayaan seperti di Tambatan.